



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 44
No. 22

26hb Oktober 2000

*TAMBAHAN No. 113
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 393.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

DAN

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN REPUBLIK
RAKYAT CHINA) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Rakyat China) 2000.**

Pelepasan cukai dua kali

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Rakyat China dengan tujuan memberikan pelepasan cukai dua kali berhubungan dengan cukai Malaysia dan cukai China (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suaimanfaat perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

[Perenggan 2]

PROTOKOL BAGI MEMINDA PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN KERAJAAN REPUBLIK RAKYAT CHINA BAGI PENGELAKAN
PENCUKAIAN DUA KALI DAN PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL
MENGENAI CUKAI ATAS PENDAPATAN YANG DITANDATANGANI
DI BEIJING PADA 23 NOVEMBER 1985

PROTOKOL

Lanjutan kepada Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Rakyat China bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai atas Pendapatan bertarikh pada 23 November 1985, kedua-dua pihak telah bersetuju dengan peruntukan berikut yang menjadi bahagian integral Perjanjian tersebut.

Berkaitan dengan Perkara 8 “Perkapalan dan Pengangkutan Udara”;

Bagi maksud perenggan 1, cukai yang hendak dikecualikan ertinya segala cukai berhubungan dengan pengendalian pesawat udara dalam lalu lintas antarabangsa yang dikenakan di Malaysia, oleh Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, dan apa-apa cukai yang seumpama dengan cukai perniagaan di China yang boleh dikenakan di Malaysia selepas Protokol ditandatangani; di China, cukai pendapatan dan cukai pendapatan tempatannya dan cukai perniagaan yang dikenakan oleh Undang-Undang Cukai Pendapatan dan Peraturan-Peraturan Cukai Perniagaan. Pengecualian hendaklah berkuat kuasa dari tarikh Protokol ini ditandatangani.

PADA MENYAKSIKAN hal tersebut di atas, yang bertandatangan di bawah, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

DIBUAT dalam salinan pendua di Beijing pada 5 Jun 2000 setiap satu dalam Bahasa Malaysia, Bahasa China dan Bahasa Inggeris, ketiga-tiga naskah itu adalah sama sahinya. Sekiranya terdapat pertikaian tentang pentafsiran, maka naskah Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi.

BAGI PIHAK KERAJAAN
MALAYSIA

BAGI PIHAK KERAJAAN
REPUBLIK RAKYAT CHINA

Dibuat 10 Oktober 2000.
[Perb. 0.6869/44 Vol. 3(17); PN(PU²)80-A/III]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

CHAN KONG CHOY
Timbalan Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di dalam Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967]

INCOME TAX ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE GOVERNMENT OF THE PEOPLE'S
REPUBLIC OF CHINA) ORDER 2000

IN exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] and subsection 65A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [*Act 543*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Government of the People's Republic of China) Order 2000.**

Double taxation relief

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of the People's Republic of China with a view of affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Chinese tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE

[Paragraph 2]

PROTOCOL AMENDING THE AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT
OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE PEOPLE'S REPUBLIC OF
CHINA FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE
PREVENTION OF FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME
SIGNED IN BEIJING ON 23 NOVEMBER 1985

PROTOCOL

Further to the Agreement between the Government of Malaysia and the Government of the People's Republic of China for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with respect to Taxes on Income dated on 23 November 1985, both sides have agreed upon the following provisions which form an integral part of the said Agreement.

In connection with Article 8 “Shipping and Air Transport”;

For the purpose of paragraph 1, the tax to be exempted means all taxes in relation to the operation of aircraft in international traffic imposed in Malaysia, by the Income Tax Act 1967 and the Supplementary Income Tax Act 1967, and any tax similar to the business tax in China which may be imposed in Malaysia after signing of the Protocol; in China, the income tax and its local income tax, and the business tax imposed by the Income Tax Law and the Regulations on Business Tax. The exemption shall be effective from the date of the signing of this Protocol.

IN WITNESS whereof the undersigned, duly authorised thereto, by their respective Governments, have signed this Protocol.

DONE in duplicate at Beijing this 5th day of June, 2000, each in the Bahasa Malaysia, Chinese and English Languages, the three texts being equally authoritative. In the event of there being a dispute in the interpretations, the English text shall prevail.

FOR THE GOVERNMENT OF
MALAYSIA

FOR THE GOVERNMENT OF
THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA

Made 10 October 2000.

[Perb. 0.6869/44 Vol. 3(17); PN(PU²)80-A/III]

On behalf and in the name of the Minister of Finance,

CHAN KONG CHOY
Deputy Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967]